

# F-Secure Mobile Security™ for Windows Mobile


## 1. Memasang dan Mengaktifkan

- Versi Sebelumnya** Jika anda mempunyai versi lama F-Secure Mobile Security dipasangkan, anda perlu menutupnya. Versi lama dikeluarkan secara automatik semasa pemasangan.
- Memasang** **Untuk memasang:**
1. Pindahkan fail pemasangan .can ke peranti anda.
  2. Cari dan pilih fail .cab dalam File Explorer pada peranti anda.
  3. Pilih **Ya** untuk membolehkan pemasangan jika anda digesa untuk melakukan demikian.
  4. Pilih **Ya** untuk bersetuju pada terma dan syarat lesen.
  5. Selepas memasang aplikasi, anda digesa untuk memulakan semula peranti anda. Pilih **Ya**.
  6. Apabila pemasangan tersedia, anda perlu mengaktifkan produk. Produk tidak melindungi peranti anda jika anda tidak mengaktifkannya.
- Mengaktifkan** **Untuk memulakan pengaktifan**
1. Pilih **Ya** pada pemberitahuan pengaktifan yang muncul apabila anda tukar peranti anda kali pertama selepas memasang F-Secure Mobile Security.
  2. Pilih jenis pengaktifan:
    - Untuk memulakan tempoh penilaian, pilih **Penilaian Bebas** dan pilih **Seterusnya**, ATAU
    - Untuk memiliki versi berlesen sepenuhnya, pilih **Nombor Langganan** sebagai jenis pengaktifan, dan pilih **Seterusnya**. Masukkan nombor langganan dan pilih **Seterusnya**.
  3. Pilih **Ya** untuk menyambung ke perkhidmatan kemas kini. Aplikasi menyambung pada perkhidmatan kemas kini dan serahkan nombor langganan anda. Semasa kemas kini yang pertama, aplikasi memuat turun pangkalan data definisi virus yang terkini.
  4. Apabila muat turun selesai, mesej memaklumkan kepada anda bahawa pendaftaran berjaya dilakukan dan aplikasi diaktifkan. Pilih **OK** untuk menamatkan pengaktifan.
  5. Selepas anda berjaya menamatkan pengaktifan, imbas peranti anda untuk virus untuk memastikan ia bersih. Lihat bahagian **Mengimbas untuk Virus** untuk maklumat lanjut.
- Jika anda mempunyai kod langganan yang sah dan anda sedang menggunakan versi percubaan percuma aplikasi ini, pergi ke menu **Beli** dan masukkan kod langganan anda untuk mengaktifkan langganan anda.

## Memulakan Produk

Selepas anda telah mengaktifkan F-Secure Mobile Security, ia akan dimulakan secara automatik setiap kali anda menghidupkan peranti anda:

1. Jika anda menggunakan Windows Mobile Professional atau Classic, pilih **Mula**→ **Program**→  **Mobile Security**.

Jika anda menggunakan Windows Mobile Standard, pilih **Mula**→  **Mobile Security**.

2. Pilih **Ya** jika anda digeskan untuk menjalankan imbasan virus.

## 2. Mengimbas untuk Virus

F-Secure Mobile Security berfungsi di latar belakang dan mengimbas fail anda secara automatik apabila imbasan masa nyata dihidupkan.

1. Jika virus dijumpai semasa imbasan masa nyata, mesej dipaparkan. Pilih **Ya** untuk melihat fail yang dijangkiti, atau **Tidak** untuk menutupkan paparan.
2. Paparan Jangkitan mengandungi senarai fail yang dijangkiti pada peranti. Untuk setiap item pada senarai, keadaan (dikuarantin, dilepaskan) dan nama fail yang dijangkiti akan dipaparkan.
3. Pilih fail yang dijangkiti untuk melihat lebih banyak butiran mengenainya.
  - Jika anda menggunakan Windows Mobile Professional atau Classic, ketuk **Tunjukkan butiran**.
  - Jika anda menggunakan Windows Mobile Standard, pilih **Menu**→**Tunjukkan butiran**.

## Memproses Fail Yang Dijangkiti

**Untuk memproses fail yang dijangkiti:**

1. Dalam paparan utama, buka **Perlindungan Virus**.
2. Dalam menu *Perlindungan Virus*, pilih fail yang dijangkiti.
3. Dalam paparan *Fail yang dijangkiti*, pilih fail yang dijangkiti untuk diproses.
4. Pilih salah satu tindakan berikut:
  - **Padam** - padam fail yang dijangkiti. Ini adalah pilihan yang disarankan. Fail akan dikeluarkan sepenuhnya daripada peranti anda.
  - **Kuarantin** - kuarantin fail yang berjangkit jika ia belum dikuarantin lagi. Fail yang dikuarantin dikunci dan tidak boleh mengganggu peranti anda apabila F-Secure Mobile Security dihidupkan.
  - **Lepaskan** - lepaskan fail yang dikuarantin. Jika anda melepaskan fail, ia tidak akan dikunci lagi. Anda mengaksesnya di atas risiko anda sendiri.

Jika anda menggunakan Windows Mobile Professional atau Classic, ketuk kekunci lembut.

Jika anda menggunakan Windows Mobile Standard, pilih **Menu** dan pilih tindakan.

## 3. Menghalang Sesakan Rangkaian Yang Tidak Dibenarkan

Firewall dalam F-Secure Mobile Security berfungsi dengan senyap di latar belakang. Ia mengawal sesakan masuk dan keluar Internet dan rangkaian, dan melindungi anda daripada percubaan gangguan. Tahap firewall yang dipratetapkan membolehkan anda menukar tahap perlindungan dengan segera mengikut keperluan anda.

## Memilih Tahap Keselamatan

### Untuk memilih tahap keselamatan:

1. Dalam paparan utama, buka **Firewall**.
2. Dalam menu Firewall, pilih **Tetapan**.
3. Pilih salah satu tahap firewall berikut:
  - **Menolak Semua** - menghentikan semua sesakan rangkaian.
  - **Tinggi** - membenarkan aplikasi yang kerap digunakan dan menghalang semua sesakan masuk.
  - **Biasa** - membenarkan semua sambungan keluar dan menghalang semua sesakan masuk.
  - **Benarkan Semua** - membenarkan semua sesakan rangkaian.
  - **Lazim** - membenarkan sesakan rangkaian berdasarkan peraturan lazim anda. Untuk mengedit tetapan peraturan lazim, pilih **Edit peraturan lazim** apabila tahap keselamatan **Lazim** dipilih.

## 4. Melindungi Maklumat Rahsia

Dengan Anti-Theft, anda boleh memastikan bahawa peranti atau data anda yang disimpan tidak disalah gunakan jika peranti anda dicuri.



*Memandangkan kad memori senang dikeluarkan, simpan maklumat rahsia anda dalam memori peranti.*

### Kod Keselamatan

Anda boleh menggunakan kod keselamatan untuk mencari secara jauh, kunci atau sapu peranti anda.

Kod keselamatan perlu sekurang-kurangnya 8 aksara panjang. Gunakan kod yang mudah untuk diingati tetapi sukar untuk diteka. Simpan kod keselamatan di tempat yang selamat.

### Anti-Theft Kawalan Jauh

Dengan pencari kawal jauh, anda boleh menghantar mesej SMS ke peranti anda yang hilang untuk mencarinya.

Dengan kunci jauh, anda boleh mengunci peranti secara jauh dengan menghantar mesej SMS yang anda buat. Untuk menggunakan kunci jauh, hidupkan kunci peranti.

Dengan sapu jauh, anda boleh menyapu peranti secara jauh dengan menghantar mesej SMS yang anda buat. Apabila peranti disapu, semua data yang disimpan dikeluarkan.

### Untuk menetapkan Anti-Theft kawal jauh:

1. Dalam paparan utama, buka **Anti-Theft**.
2. Dalam menu Anti-Theft, pilih **Tetapan**.
3. Pilih ciri yang mana anda hendak hidupkan:
  - Jika anda hendak anda dapat mencari peranti anda secara jauh, pilih **Dayakan pencari**.
  - Jika anda hendak menyapu peranti anda secara jauh, pilih **Dayakan sapu jauh**.
  - Jika anda hendak mengunci peranti anda secara jauh, Pilih **Dayakan kunci jauh**.



*Anda boleh mendayakan kunci jauh hanya apabila kunci peranti dihidupkan.*

4. Masukkan **Kod keselamatan** anda dan taipkan lagi untuk mengesahkannya.

**Untuk mencari, kunci atau sapu peranti anda secara jauh:**

- Untuk mencari peranti, hantar mesej SMS berikut ke peranti anda:  
#LOCATE#<kod keselamatan> (Sebagai contoh: #locate#12345678)
- Untuk mengunci peranti, hantarkan mesej SMS berikut ke peranti anda:  
#LOCK#<kod keselamatan> (Sebagai contoh: #lock#12345678)
- Untuk menyapu peranti, hantarkan mesej SMS berikut ke peranti anda:  
#WIPE#<kod keselamatan> (Sebagai contoh: #wipe#12345678)

**SMS  
Amaran**

Anti-Theft boleh memberi amaran kepada anda jika seseorang menukar kad SIM dalam peranti anda. Untuk menggunakan amaran SMS, hidapkan tetapan **Amaran SMS apabila SIM bertukar** dan nyatakan nombor telefon jika mesej teks SMS perlu dihantar apabila kad SIM dalam peranti ditukar.

## 5. Melindungi penyemakan web

Perlindungan Penyemak Imbas melindungi anda daripada laman web yang boleh mencuri maklumat peribadi anda, termasuk nombor kad kredit, maklumat akaun pengguna dan kata laluan.

Perlindungan Semak Imbas menyemak laman web yang anda layari menggunakan Internet Explorer. Perlindungan Semak Imbas dihidupkan secara automatik selepas anda telah mengaktifkan F-Secure Mobile Security jika Internet Explorer ditetapkan sebagai penyemak imbas lalai anda. Jika anda menggunakan sebarang penyemak imbas pihak ketiga anda, Perlindungan Semak imbas tidak akan melindungi semak imbas web anda.

**Untuk menyediakan Perlindungan Semak Imbas:**

1. Dalam paparan utama, buka **Perlindungan Semak Imbas**.
2. Dalam menu Perlindungan Semak Imbas, pilih **Tetapan**.
3. Jika anda hendak menghidupkan Perlindungan Semak Imbas, pilih **Dayakan Perlindungan Semak Imbas**.
4. Dalam **Rangkaian untuk digunakan**, pilih sama ada anda hendak menggunakan Perlindungan Semak Imbas setiap masa atau hanya apabila anda menyemak imbas web pada rangkaian operator anda:
  - Pilih **Operator saya sahaja** untuk menggunakan Perlindungan Semak Imbas hanya apabila anda menggunakan rangkaian operator anda sendiri.
  - Pilih tetapan **Semua operator** untuk menghidupkan perlindungan apabila anda melancong dan anda berada diluar rangkaian operator anda sendiri.

## 6. Sentiasa Mengemas kini Produk

**Kemas kini Automatik** F-Secure Mobile Security disertakan dengan perkhidmatan kemas kini automatik, yang bermaksud pangkalan data definisi virus dalam aplikasi dikemas kini dengan kerap. Hanya pangkalan data definisi virus dikemas kini melindungi peranti anda terhadap virus terkini. Kemas kini automatik digunakan selepas anda telah mengaktifkan produk.

Aplikasi memerlukan sambungan Internet aktif untuk kemas kini. Apabila sambungan kepada Internet tersedia, aplikasi memeriksa apabila pangkalan data definisi virus dikemas kini kali terakhir dan memuat turun kemas kini baru jika perlu.

**Kemas Kini Manual** Anda juga boleh mengemas kini aplikasi dan pangkalan data definisi secara manual:

1. Pilih **Menu**→**Kemas kini** pada paparan utama.
2. Pilih **Ya** untuk mengesahkan bahawa anda hendak mendapatkan kemas kini terkini.
3. Jika kemas kini aplikasi baru tersedia, pilih **Ya** apabila anda digesa untuk memuat turun.
4. Apabila kemas kini selesai, pilih **Ya** untuk mengimbas peranti anda untuk virus. Lihat bahagian *Mengimbas untuk Virus* untuk maklumat lanjut.

### Untuk Maklumat Lanjut

Untuk maklumat lanjut, muat turun Panduan Pengguna untuk produk anda (tersedia dalam bahasa Inggeris) di <http://mobile.f-secure.com/>.

### Bantuan Teknikal

Jika anda mempunyai soalan mengenai aplikasi yang tidak dinyatakan dalam panduan atau dalam perkhidmatan dalam talian di <http://mobile.f-secure.com/>, anda boleh menghubungi pengedar F-Secure setempat anda atau F-Secure Corporation secara terus.

---

#### PENAFIAN

"F-Secure" dan simbol segi tiga adalah tanda dagangan berdaftar F-Secure Corporation dan nama produk dan simbol/logo F-Secure adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar F-Secure Corporation. Semua nama produk dirujuk selepas ini adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar syarikat mereka masing-masing. F-Secure Corporation menafikan kepentingan harta dalam tanda dan nama yang lain. Walaupun F-Secure Corporation berusaha untuk memastikan bahawa maklumat ini tepat, F-Secure Corporation tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang ralat fakta atau tidak memasukkan fakta yang terkandung di sini. F-Secure Corporation mempunyai hak untuk mengubah suai spesifikasi yang dinyatakan dalam dokumen ini tanpa pemberitahuan sebelumnya.

Syarikat, nama dan data yang digunakan dalam contoh di sini adalah rekaan melainkan ia dimaklumkan. Tiada sebarang bahagian dalam dokumen ini boleh dihasilkan semula, dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, untuk apa-apa tujuan sekalipun tanpa kebenaran bertulis daripada F-Secure Corporation.

Produk ini mungkin dilindungi oleh satu atau lebih paten F-Secure, termasuk seperti berikut:

GB2353372, GB2366691, GB2366692, GB2366693, GB2367933, GB2368233, GB2374260

Hak cipta © 2010 F-Secure Corporation. Semua hak cipta terpelihara

